

# 'PM minta saya terus bersabar'

## Amir Raja Lawak tersentuh Anwar beri nasihat cecal hadapi cabaran hidup

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim dan Syaherah Mustafa  
bhnews@bh.com.my

'Perdana Menteri kata saya perlu sabar... Insya-Allah, semua akan baik-baik sahaja.'

Itu antara nasihat Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikongsikan pelakon dan pelawak popular, Amir Raja Lawak.

Amir menerima kunjungan Perdana Menteri di kedai makan ayam goreng miliknya di Stadi-

um Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, kelmarin.

Amir mengaku teruja dan tidak menyangka hasrat untuk bertemu Perdana Menteri yang dikongsikan di laman sosial, Facebook (FB), mendapat perhatian seterusnya memberi peluang kepadanya bertemu mata dengan pemimpin negara itu.

"Selain tanya berkaitan isu gaji, Perdana Menteri juga turut bertanya khabar keadaan ayah saya yang menjalani pembedahan kali kedua akibat kanser usus di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian," katanya.

Amir berkata, kunjungan Perdana Menteri bersama Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud memberi semangat kepadanya untuk terus kuat menghadapi cabaran hidup.

"Malah, saya turut menerima sumbangan kewangan daripada



Anwar bersama Mohd Nassuruddin, Amir dan orang ramai di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu, kelmarin.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

"Sumbangan yang diberikan akan saya gunakan sebaiknya terutama untuk membantu keluarga termasuk menyediakan keperluan termasuk ubat-ubatan untuk bapa saya yang sakit"

**Amir Raja Lawak**

kedua-dua pemimpin ini.

"Sumbangan yang diberikan akan saya gunakan sebaiknya terutama untuk membantu keluarga termasuk menyediakan keperluan termasuk ubat-ubatan untuk bapa saya yang sakit," katanya.

### Enggan buka tabung

Amir berkata, ada sahaja pihak yang menyuruhnya membuka tabung untuk meminta bantuan, namun, dia menolak langkah itu kerana mengakui dia masih kuat untuk bekerja, cuma memohon keadilan untuk dirinya.

Media sebelum ini melaporkan, Amir, 36, mendedahkan dirinya disaman melalui kenya-

taan rasmi Awesome Broadcasting Sdn. Bhd. (Awesome TV) yang memfailkan saman fitnah terhadapnya bersama dua pelawak lain.

Sebelum ini, Amir menuntut bayaran tunggakan berbaki RM18,000 bagi pembabitannya dalam sebuah program televisyen (TV) di stesen terbabit.

Seorang lagi pelawak, Mohamad Ikhtiarudin Naina Mohamad (Mamak Puteh), turut mendakwa menghadapi masalah sama selepas menunggu lebih tiga tahun, manakala seorang lagi individu terbabit adalah Abu Musarrif Abu Bakar (Abu Mamu).